

BAB 5: KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Secara umumnya, penggunaan kaedah transliterasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia masih memerlukan kajian lanjutan. Ini kerana kaedah ini jarang digunakan di negara ini, lebih-lebih lagi UiTM sebagai institusi yang paling awal menggunakannya dalam buku teks. Justeru itu, diharapkan bahawa dapatan daripada kajian ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pengajar serta panel penulis buku teks bahasa Arab.

5.2 Kesimpulan

5.2.1 Kesimpulan Umum

- a) Proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran sebutan bahasa Arab di kalangan pelajar-pelajar Melayu beragama Islam tidak boleh disamakan dengan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa asing yang lain.
- b) Secara sepintas lalu, penggunaan kaedah transliterasi dalam buku teks dapat menarik minat dan memberi dorongan khususnya kepada pelajar yang lemah dalam kemahiran sebutan dan membaca tulisan Arab.
- c) Penggunaan transliterasi tidak membantu penguasaan kemahiran sebutan bahasa Arab pelajar, malah mengganggu proses pembelajaran mereka.

- d) Walau bagaimanapun, penggunaan kaedah ini dapat membantu golongan pelajar yang langsung tidak mempunyai asas dalam sebutan bahasa Arab seperti pelajar bukan muslim. Dalam keterbatasan masa dan ruang, mereka dapat menyebut bunyi-bunyi bahasa Arab tanpa perlu menguasai tulisan Arab terlebih dahulu.
- e) Penggunaan kaedah transliterasi memberikan kesan negatif jika dilihat kepada pencapaian jangka panjang pembelajaran seseorang.
- f) Penggunaan masa tidak perlu dibazirkan untuk memberi penerangan tentang simbol-simbol transliterasi serta perbezaannya. Sebaliknya masa tersebut hendaklah digunakan sepenuhnya untuk memberi penerangan tentang simbol-simbol bunyi dalam bahasa Arab serta perbezaan huruf-huruf yang hampir sama.

5.2.2 Kesimpulan Hasil Kajian

Daripada analisis dan perbincangan dapatan yang telah dihuraikan dalam bab lalu, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa:

1. Penggunaan kaedah transliterasi tidak membantu dan turut mengganggu penguasaan kemahiran sebutan bahasa Arab di kalangan pelajar UiTM.
2. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran sebutan bahasa Arab, terdapat beberapa masalah yang telah dikenal pasti, iaitu;
 - a) Kecenderungan pelajar bergantung sepenuhnya kepada teks transliterasi yang disediakan.

- b) Kekeliruan tentang simbol transliterasi di kalangan para pelajar.
 - c) Penggunaan kaedah transliterasi dalam pembelajaran sebutan tidak membantu penguasaan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain.
3. Antara langkah-langkah yang boleh digunakan bagi mengatasi masalah-masalah tersebut ialah;
- a) Meminimumkan penggunaan transliterasi dalam teks
 - b) Pengukuhan kaedah pengajaran sebutan
 - c) Galakan dan motivasi kepada pelajar lemah

5.3 Cadangan

5.3.1 Meminimumkan penggunaan transliterasi dalam teks

Antara langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan kebergantungan para pelajar dengan kaedah transliterasi ialah dengan meminimumkan penggunaan transliterasi dalam teks. Pada pendapat penulis, penggunaan kaedah transliterasi boleh dihadkan kepada perkataan-perkataan tertentu sahaja. Perkataan-perkataan tersebut terdiri daripada perkataan yang agak susah untuk disebut dan mungkin menimbulkan kekeliruan di kalangan para pelajar.

Kemudian, transliterasi bagi perkataan-perkataan tersebut juga hendaklah dihadkan sebanyak sekali sahaja di dalam teks iaitu kali pertama pelajar didedahkan dengan perkataan tersebut. Untuk teks perkataan yang sama, tidak

perlu lagi diberikan transliterasi jika digunakan pada mukasurat-mukasurat yang seterusnya.

Bagi perkataan-perkataan yang ringkas dan mudah, tidak perlu disediakan transliterasi untuk melatih para pelajar menyebut dan membaca menggunakan tulisan bahasa Arab yang asal.

Penggunaan transliterasi juga boleh dihadkan dalam teks bacaan di peringkat pertama sahaja. Manakala bagi subjek bahasa Arab peringkat kedua dan seterusnya penulis berpendapat kaedah transliterasi tidak lagi diperlukan. Ini kerana mereka telah melalui proses pembelajaran sebutan pada peringkat pertama serta boleh berusaha membaca dan menyebut perkataan tanpa menggunakan bantuan transliterasi. Dalam hal ini, sudah tentu mereka masih memerlukan bantuan daripada pengajar dan juga kawan-kawan yang lebih tahu.

Ini bukan sahaja dapat membantu melatih mereka berusaha menyebut dengan sebutan yang betul, para pelajar juga mendapat lebih peluang untuk membezakan huruf-huruf khususnya yang hampir sama. Ia juga dapat melatih keyakinan pelajar untuk menyebut dan membaca teks bahasa Arab tanpa memerlukan transliterasi. Selain itu, ia juga dapat membantu pelajar meningkatkan penguasaan dalam kemahiran-kemahiran bahasa yang lain.

5.3.2 Pengukuhan kaedah pengajaran sebutan

Antara langkah-langkah yang boleh diambil untuk meningkatkan penguasaan sebutan dan bacaan di kalangan para pelajar, ialah melakukan pengukuhan dan penambahbaikan dalam kaedah pengajaran sebutan. Ini boleh

dilakukan dengan mempelbagaikan teknik pengajaran dan tumpuan haruslah diberikan kepada pelajar-pelajar yang telah dikenal pasti lemah dalam sebutan dan bacaan.

Para pengajar seharusnya peka dengan teknik-teknik pengajaran alternatif yang dapat digunakan untuk menambah baik proses pengajaran. Umpamanya menggunakan teknologi serta bahan bantu mengajar yang pelbagai dalam proses pengajaran. Latihan-latihan yang sesuai juga harus diberikan penekanan. Ini kerana seperti mana yang telah diketahui, mempelajari bahasa merupakan satu proses pembentukan tabiat. Maka untuk membentuk tabiat, latihan yang berterusan dan berulang kali hendaklah dijadikan amalan. Dengan hanya membaca dan menyebut secara sepintas lalu sahaja tidak dapat memperbaiki kelemahan para pelajar.

Azman (2007) telah mengutarakan beberapa tip untuk memaksimumkan keberkesanan kaedah transliterasi. Antaranya ialah, untuk menggunakan kaedah transliterasi dalam pembelajaran bahasa Arab, pelajar-pelajar seharusnya mendapat pendedahan dan penerangan yang terperinci berkenaan dengan sistem ini dan juga latihan mengenai simbol-simbol yang digunakan serta bunyinya.

Pada pendapat penulis, menumpukan perhatian kepada pengajaran sebutan dengan menggunakan tulisan asal adalah lebih baik daripada menggunakan masa untuk menerangkan tentang kaedah transliterasi serta simbol-simbolnya. Ini ditambah pula dengan keterbatasan masa di mana setiap jam yang digunakan untuk proses pengajaran harus diisi dengan aktiviti pengajaran yang padat dan berkesan. Sebagai contoh, daripada pengajar

menekankan tentang beza bunyi simbol ‘h’ dan ‘h’, maka lebih elok diterangkan dengan beza bunyi antara huruf ح dan ه dalam bahasa Arab.

Terdapat banyak lagi cara untuk menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran sebutan bahasa Arab. Walau bagaimanapun, terdapat batasan dari segi masa yang diperuntukkan bagi subjek bahasa Arab sebagai bahasa ketiga. Selain itu, jurang perbezaan tahap penguasaan bahasa Arab yang amat jauh antara pelajar-pelajar dalam sesebuah kelas juga membataskan penumpuan terhadap pelajar-pelajar yang lemah. Oleh itu, usaha yang keras dan jitu juga harus dilakukan di pihak pelajar untuk menambah penguasaan sebutan dan bacaan bahasa Arab.

5.3.3 Galakan dan motivasi kepada pelajar lemah

Disebabkan terdapat kekangan waktu dan persekitaran, pelajar-pelajar yang lemah dalam sebutan dan bacaan bahasa Arab haruslah diberikan galakan dan motivasi untuk meneruskan proses pembelajaran di luar waktu kelas. Ini kerana pembelajaran di dalam kelas adalah tidak mencukupi kerana para pengajar tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya kepada mereka.

Ini kerana masa yang diberikan sangat terhad untuk mengajar dalam kumpulan yang menjangkau sehingga 40 orang dengan masa yang diberikan hanyalah empat jam seminggu. Oleh itu, pelajar seharusnya mencari jalan untuk belajar menyebut dan membaca sama ada melalui kawan-kawan mahupun mencari guru untuk belajar, khususnya guru al-Quran.

Para pelajar khususnya yang lemah dalam bacaan dan sebutan biasanya berasa rendah diri dan malu berhadapan dengan rakan-rakan sekelas mereka. Apabila disuruh membaca dengan nada kuat di dalam kelas, mereka akan mengelak kerana berasa malu dan rendah diri berbanding kawan-kawan yang dapat membaca dengan lancar. Mereka sebenarnya memerlukan sokongan dan dorongan untuk meneruskan proses pembelajaran di luar kelas.

Sokongan dan dorongan bukan sahaja diperolehi daripada pengajar dan kawan-kawan, malah yang paling penting sokongan dari ibu bapa mereka sendiri. Ini kerana melalui pemerhatian penulis, pelajar-pelajar yang lemah dalam kemahiran sebutan dan bacaan bahasa Arab (atau al-Quran) biasanya mempunyai ibu bapa yang kurang mengambil berat terhadap perkembangan pembelajaran al-Quran anak-anak. Realitinya, kebanyakan ibu bapa zaman sekarang lebih mengutamakan kecemerlangan dari segi akademik berbanding kecemerlangan dari segi akhlak dan agama. Maka tidak hairanlah semakin ramai anak-anak remaja yang lemah dalam sebutan bahasa Arab dan tidak dapat membaca al-Quran.

5.4 Penutup

Adalah menjadi tanggungjawab kepada tenaga pengajar bahasa Arab yang prihatin untuk berfikir kritikal dan berusaha untuk mempertingkatkan keberkesanan pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa ketiga khususnya di institusi ini dan seluruh Malaysia secara umumnya.

Kajian ini telah dilakukan bertujuan untuk menilai kesan penggunaan kaedah transliterasi dalam penguasaan sebutan bahasa Arab di kalangan pelajar UiTM Terengganu. Kajian ini hanya melibatkan pembelajaran bahasa Arab dari segi penguasaan sebutan sahaja. Kajian yang meliputi kemahiran-kemahiran lain yang lebih lanjut harus dijalankan.

Kajian ini juga sebenarnya masih kecil sumbangannya untuk membuktikan dapatan yang adil dan saksama. Ini kerana kajian ini terbatas kepada beberapa orang responden di salah satu cawangan kampus sahaja. Maka kajian susulan yang melibatkan kampus-kampus lain dan skala responden yang lebih besar dan meluas hendaklah dilakukan.

Melalui dapatan kajian ini juga, pihak penulis dengan rasa rendah diri ingin menyarankan agar penggunaan kaedah transliterasi secara meluas di dalam semua buku teks bahasa Arab yang diterbitkan untuk kegunaan para pelajar di UiTM dinilai semula oleh panel penulis pada masa akan datang.